

15 NOV 1998

APEC-BERITA-VTM/I

PELAJAR TEMURAMAH MAHATHIR DLM FORUM MULTI-MEDIA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini ditemuramah oleh tiga pelajar di Apec temuramah global MSC-VTM (misi perdagangan maya), forum multi-media yang membolehkan pelajar sekolah dari Malaysia dan ekonomi-ekonomi Apec lain menemuramah ketua-ketua perniagaan dan ekonomi Apec.

Temuramah itu akan disiarkan secara langsung di ekonomi anggota dan boleh juga diakses menerusi Internet.

Dr Mahathir ditemuramah oleh Noel Gould, Presiden Yayasan VTM, Idran Rabihah Zakaria dari Universiti Tenaga Nasional dan Sara Isherwodd dari Sekolah Antarabangsa di sini.

Sesi temuramah selama 15 minit itu dikendalikan selepas Perdana Menteri merasmikan Sidang Kemuncak Perniagaan Apec.

Dr Mahathir diminta memberikan pendapat mengenai hak asasi manusia, penggunaan Internet sebagai alat komunikasi, dagangan matawang dan pembangunan yang membawa kepada pengenalan kawal selia kawalan matawang.

-- BERNAMA

NY ZK MA